



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 26 SEPTEMBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AI DAN SMART SBB: BERNAS PERKASA MISI 80% SARA DIRI BERAS NEGARA, NEGARA, KOSMO, M/S – 7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BERNAS PERKASA MASA DEPAN BERAS NEGARA: TRADISIM TEKNOLOGI DAN TANGGUNGJAWAB, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 7	
3.	BEKAS TENTERA LAUT KINI BERTANI, DARI LAUT KE KEBUN TIMUN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 11	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4.	PENDARATAN IKAN CAPAI 1.39 JUTA TAN 2024, NIAGA, KOSMO, M/S 31	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	AGROBANK EXPECTS 140% JUMP IN DEPOSITS BY END OF MEGA MILLION 2.0 CAMPAIGN, BIZ & FINANCE, THE SUN, M/S - 14	BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (AGROBANK)
6.	REAPING SWEET SUCCESS, NATIONAL, THE SUN, M/S – 6	LAIN – LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

AI dan SMART SBB: BERNAS Perkasa Misi 80% Sara Diri Beras Negara

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

PETALING JAYA – Seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI, agenda memperkuh keterjaminan makanan terus menjadi fokus utama negara, khususnya bagi menjamin bekalan beras sebagai makanan ruji rakyat.

Menjelang 2050, populasi Malaysia dijangka mencecah 40 juta orang, sekali gus meningkatkan permintaan makanan sehingga dua kali ganda. Dalam masa sama, perubahan iklim, kos pengeluaran yang meningkat dan kekurangan tenaga kerja muda terus memberi tekanan kepada sektor pertanian.

Bagi memastikan rakyat tidak berdepan krisis beras, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berganding bahu dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), syarikat yang memikul amanah sebagai benteng utama keselamatan makanan negara.

Benteng strategik negara sejak krisis 1973

Ketua Agronomi BERNAS, Dr. Nur Firdaus Mohamad Yusof berkata, pengalaman lalu menjadi pengajaran berharga.

"Krisis beras global 1973 telah mengubah landskap industri ini apabila kerajaan menubuhkan Lembaga Padi Negara (LPN) untuk menjamin bekalan dan melindungi pesawah. Hari ini, peranan itu diteruskan oleh BERNAS sebagai pelindung utama, termasuk ketika pandemik COVID-19 dan sekatan eksport beras India," katanya.

Tegasnya, beras bukan sekadar makanan asas tetapi sebahagian daripada identiti budaya dan kelangsungan hidup rakyat Malaysia.



BERNAS menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan latihan kepada pesawah yang berdaftar.

Purata penggunaan beras per kapita kini mencecah 76.7 kilogram setahun, dengan jumlah keseluruhan sekitar 2.6 juta tan. Namun, hanya lebih kurang 56% dihasilkan dalam negara, manakala selebihnya diimport.

SMART SBB: Transformasi sawah secara besar-besaran

Untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) kepada 80% menjelang 2030, BERNAS melaksanakan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB).

"Kalau dulu petani bekerja secara individu, kini mereka disatukan di bawah pengurusan berpusat. Aktiviti seperti kawalan perosak, pembajaan dan menuai dilakukan serentak. Hasil lebih baik, kos pula jauh lebih rendah," jelas Dr. Nur Firdaus.

Pendekatan ini turut memastikan pesawah hanya menerima benih sah berkualiti tinggi yang diuji di makmal BERNAS, sekali gus mengurangkan isu padi angin.

Contohnya di Kota Belud, Sabah, hasil rintis SMART SBB berjaya melonjakkan pengeluaran, menurunkan kos operasi dan mengurangkan kadar padi angin daripada 60% ke bawah 20% dalam satu musim.

Teknologi pintar, ladang lebih selamat

Transformasi digital kini menjadi tonggak baharu BERNAS. Melalui Rakan Tani Pintar AI, pesawah boleh mendapatkan nasihat teknikal segera melalui WhatsApp termasuk daripada kawalan penyakit, jadual



DR. NUR FIRDAUS

penanaman hinggalah panduan pengairan, dengan jawapan berasaskan data rasmi Rice Check dan pengalaman lapangan agronomis.

BERNAS turut memperkuh sistem Farm Management Solution (FMS) berasaskan Internet Kebendaan (IoT). Lima stesen cuaca milik BERNAS di seluruh negara kini menyalurkan data ramalan hujan yang lebih tepat, membolehkan petani menuai lebih awal sebelum padi rebah.

"Selain itu, teknologi Penderiaan Jauh (PSSS) menggunakan dron multispektral membantu mengesan penyakit dan memantau kesuburan tanaman, manakala stereng automatik untuk jentera menjadikan kerja lebih mudah serta menarik minat generasi muda ke sektor ini," katanya.

Sokongan menyeluruh untuk pesawah

Bagi meringankan beban, BERNAS menyalurkan pelbagai bentuk bantuan:

- RM4 juta setahun untuk pembelian jentera yang diagih percuma kepada ketua tani.
- Pendahuluan Kos Operasi Ladang (PKOL) tanpa

faedah sebelum musim bermula.

- Jadual Kerja Ladang (JKL) sebagai panduan lengkap aktiviti sawah.
- PROMAK, program makan tengah hari percuma untuk anak-anak pesawah dan dari keluarga miskin kumpulan B40.

Selain itu, Makmal Kualiti Beras BERNAS yang dilancarkan pada 2023 dan diiktiraf ISO17025:2017, menjadi pusat ujian beras pertama seumpamanya di Asia.

Menghadapi cabaran masa depan

Dr. Nur Firdaus mengakui, ancaman perubahan iklim, kos input yang meningkat serta kekurangan tenaga kerja muda kekal sebagai cabaran besar.

Namun, dengan kombinasi teknologi moden, dasar kerajaan yang kukuh dan sokongan komuniti pesawah, beliau optimis Malaysia berada di landasan tepat.

"Petani adalah nadi industri ini. Dengan mereka diperkasa, kita bukan sahaja menjamin nasi di pinggan rakyat, tetapi juga masa depan keselamatan makanan negara," tegasnya.

Hari Malaysia: Menjaga setiap butir nasi

Bersempena sambutan Hari Malaysia baru-baru ini, kejayaan program SMART SBB dan pelaksanaan teknologi AI oleh BERNAS menjadi bukti bahawa kerjasama kerajaan, syarikat peneraju dan pesawah mampu melonjakkan industri padi tempatan.

Misi besar ini hanya satu iaitu memastikan setiap butir nasi di pinggan rakyat Malaysia terus terjamin untuk hari ini, esok dan untuk generasi akan datang.

KERJASAMA strategik di antara BERNAS dan kerajaan mampu melonjak industri padi dan beras negara mencapai sasaran sara diri 80% menjelang 2030.



Dalam Negeri

Utusan Malaysia
JUMAAT • 26 SEPTEMBER 2025

7

BERNAS Perkasa Masa Depan Beras Negara: Tradisi, Teknologi dan Tanggungjawab

Oleh AMIRUL AIMAN OSMAN
amirul.aiman@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Setiap kali kita menyuap nasi ke mulut, ada satu persoalan besar yang jarang kita fikirkan - dari manakah datangnya bekalan beras negara dan mampukah ia bertahan untuk generasi akan datang?

Dengan populasi Malaysia dijangka mencecah 40 juta orang menjelang 2050, permintaan beras terus meningkat sekitar 0.5 peratus setahun. Namun, berdepan cabaran perubahan iklim, kos input pertanian yang tinggi dan kekurangan tenaga kerja muda, keterjaminan beras negara semakin menjadi isu mendesak.

Menurut Ketua Unit Agronomi Ladang Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), Dr. Nur Firdaus Mohamed Yusof, beras bukan sekadar makanan ruji, sebaliknya ia adalah nadi keselamatan makanan negara.

"Rakyat Malaysia makan purata 76.7 kilogram beras seorang setahun. Jumlah keseluruhan mencecah hampir 2.6 juta tan setahun. Namun, hanya sekitar 60% dibekalkan hasil pengeluaran tempatan, manakala baki bergantung kepada import," katanya kepada Utusan Malaysia.

MISI 80% SARA DIRI MENJELANG 2030

Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mensasarkan tahap Sara Diri (SSL) beras meningkat ke 80% menjelang 2030. Antara langkahnya termasuk pengenalan varieti padi umur pendek (CL3, CL4) serta projek lima musim penanaman dalam tempoh dua tahun.

BERNAS pula, sebagai rakan strategik utama kerajaan, menjadi pemacu pelbagai transformasi industri bagi memastikan bekalan beras sentiasa stabil.

Antara program utama ialah SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang menyatukan pesawah dalam kelompok besar di bawah pengurusan berpusat.

Jika dahulu petani bekerja secara kecil-kecilan dengan cara tradisional, kini semua aktiviti, daripada membajak, menanam, mengawal penyakit hingga menuai dilakukan serentak mengikut jadual ladang.

"Bila kos jentera, baja dan racun ditanggung bersama, ia jauh lebih



BERNAS memperkasa golongan pesawah dan melindungi bekalan beras negara menerusi penggunaan peralatan pertanian moden sehingga ke pemantauan cuaca.



MELALUI Farm Monitoring Solution, cuaca di kawasan beradius 50km membantu pesawah membuat keputusan menuai lebih awal.

jimati. Petani juga hanya gunakan input mengikut kadar sebenar, bukan lagi beli sebotol penuh tetapi terbuang separuh," jelas Dr. Nur Firdaus.

Lebih penting, semua benih yang digunakan ialah benih sah daripada syarikat dilantik kerajaan, yang diuji percambahan dan ketulenannya di makmal BERNAS sebelum sampai ke sawah.

MENANGANI CABARAN CUACA DAN PEROSAK

Perubahan iklim menjadi musuh utama pesawah. Hujan luar

jangka ketika musim menuai boleh menyusahkan hasil sehingga 80%.

Untuk mengurangkan risiko, BERNAS menggunakan sistem ramalan cuaca berasaskan IoT melalui Farm Monitoring Solution (FMS), yang memantau keadaan cuaca radius 50km dan membantu pesawah membuat keputusan menuai lebih awal.

Selain itu, BERNAS turut menyediakan skim subsidi harga padi (SSHP), menyalurkan bantuan jentera percuma kepada ketua tani, serta menguruskan kos



NUR FIRDAUS
MOHAMED YUSOF

penyelenggaraan tahunan bagi mengurangkan beban pesawah yang sering terkesan dengan bencana.

MEMBAWA GENERASI BAHARU KE SAWAH

Hakikatnya, majoriti pesawah kini berusia 50 tahun ke atas, sementara anak muda kurang berminat menyambung legasi keluarga.

BERNAS percaya kuncinya ialah modernisasi pertanian. Melalui teknologi seperti penderiaan jauh (PSSS), dron multispektrum dan sistem pemanduan automatik jentera, sawah kini boleh diurus dari hujung jari.

"Dengan telefon pintar sahaja, generasi muda boleh memantau kesihatan tanaman, laluan traktor dari status ladang. Ini menjadikan pertanian lebih moden, sistematik dan menarik," kata Dr. Nur Firdaus.

RAKAN TANI PINTAR AI: NASIHAT SEGERA DI WHATSAPP

Lebih menarik, BERNAS memperkenalkan aplikasi Rakan Tani Pintar AI, suatu platform kecerdasan buatan pertama dalam sektor pertanian negara.

Dibangunkan bersama Global AI Village dan Pejabat AI Kebangsaan (NAIO), sistem ini membolehkan pesawah bertanya tentang penyakit padi, kawalan perosak, jadual penanaman dan kemasukan air melalui WhatsApp dengan jawapan segera berdasarkan manual rasmi Jabatan Pertanian iaitu Rice Check dan Jadual Kerja Ladang BERNAS.

"Ia ibarat pakar pertanian di hujung jari, membantu petani membuat keputusan cepat dan tepat tanpa perlu tunggu pegawai turun ke lapangan," jelasnya.

MENJAGA SETIAP BUTIR NASI RAKYAT

Walaupun strategi import berperan sebagai pelindung, misi sebenar BERNAS adalah memastikan pengeluaran tempatan terus meningkat, seiring matlamat SSL 80%.

"Setiap butir beras ada cerita. Di belakangnya ada keringat petani, teknologi baharu, dan tanggungjawab nasional. BERNAS berdiri di tengah, menghubungkan tradisi dengan inovasi demi memastikan nasi di pinggan rakyat Malaysia tidak pernah terputus," kata Dr. Nur Firdaus.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2025	HARIAN METRO	LOKAL	11

2030 PERAK SEJAHTERA

BEKAS TENTERA LAUT KINI BERTANI

Dari laut ke kebun timun

Oleh Muhamad Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Parit

Veteran Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Azhar Roszmi, 38, memilih bidang pertanian fertisasi sebagai kaedah berbakti kepada negara melalui usaha sekuriti makanan.

Bapa tiga anak itu membuat keputusan bersara daripada perkhidmatan awam pada 2019 selepas 15 tahun berkhidmat demi meluangkan lebih masa bersama keluarga.

"Unit terakhir saya adalah Markas Udara TLDM, sebelum itu saya banyak berlayar di atas kapal dan berjauhan dari keluarga.

"Isteri saya guru, jadi sukar untuk kami bercuti serentak. Saya tidak mahu lagi berjauhan dengan keluarga, jadi saya tekad bersara," katanya.

Azhar berkata, bermodal wang pencen sebagai Leftenan TLDM, beliau membeli tanah seluas 0.8 hektar di Kampung Tanjung Aur, Bota Kiri, di sini dan mula mencuba nasib dengan menanam cili secara fertisasi.

Namun, perjalanan Azhar diuji hebat ketika pandemik COVID-19 melanda, sekali gus menyaksikan harga cili menjunjam teruk.

"Pada waktu itu, harga cili jatuh dari RM13 sekilogram jatuh kepada hanya RM4 sekilogram di pasaran



AZHAR mengusahakan kebun timun seluas 0.8 hektar di Kampung Tanjung Aur, Bota Kiri.

menyebabkan kerugian besar.

"Saya cuba pula beralih kepada tanaman timun dan hasilnya lebih baik. Namun, selepas seminggu saya tuai hasil pertama, ribut pula melanda kebun.

"Tiang para timun saya yang dibuat daripada buluh roboh. Pada waktu itu saya rasa seperti hendak putus asa," katanya.

Bagaimanapun, berkat sokongan kuat dari isteri tercinta, beliau memulakan proses menaik taraf kebunnya dengan menggantikan

struktur sokongan pokok timun dari para buluh kepada sistem para besi yang lebih kukuh.

Tambahnya, titik perubahan sebenar adalah apabila beliau menerima geran bantuan bernilai RM20,000 daripada Jabatan Pertanian Perak menerusi program Agropreneur Muda pada 2023.

"Saya manfaatkan geran itu untuk pembelian besi biru 'C-channel' bagi pembinaan para, cocopeat (serbuk sabut kelapa sebagai medium tanaman) dan ba-

ja. "Mereka juga audit kebun saya untuk program Pensijilan Amalan Pertanian Baik (myGAP) dan memberikan bantuan seperti racun dan bakul sayur.

"Jabatan Pertanian Perak juga memberi bantuan peralatan bernilai sekitar RM10,000 yang merangkumi tangki air, pam air dan 100 goni cocopeat yang membolehkan saya mengembangkan pertanian daripada 2,000 beg poli tanaman timun kepada 6,000 ketika ini," katanya.

Beliau berkata, bantuan itu membuktikan komitmen Jabatan Pertanian Perak selaku agensi peneraju flagship Lembah Bakul Makanan (Keterjaminan Makanan) seperti digariskan dalam pelan Perak Sejahtera 2030 cetusan idea Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Azhar berkata, daripada hasil keuntungan diperoleh, beliau membeli jentera traktor dan kenderaan pelbagai muka bumi (ATV) untuk memudahkan dan mempercepat kerja di ke-

"Saya percaya bidang pertanian ini sangat baik dan dapat membantu orang kampung mendapatkan pekerjaan"

Azhar

bun.

"Jumlah hasil tuaian boleh mencecah antara 300 kilogram (kg) sehingga 400kg timun setiap hari dan saya akan hantar sendiri ke pasar sekitar Sitiawan dan Air Tawar menggunakan kereta.

"Harga timun sekarang di pasaran sekitar RM1.60 per kg. Jika penghantaran dibuat melalui peraih, pekebun timun hanya boleh dapat 60 sen per kg. Dengan menghantar sendiri, saya dapat harga yang lebih baik," katanya.

Beliau juga mempelbagaikan tanaman seperti peria besar, kacang panjang, kacang buncis dan labu air yang masing-masing menunggu tempoh matang untuk dituai buat kali pertama.

"Saya percaya bidang pertanian ini sangat baik dan dapat membantu orang kampung mendapatkan pekerjaan.

"Ia juga salah satu cara saya berbakti kepada negara, memastikan keselamatan dan keterjaminan makanan negara," katanya yang kini menjadi tenaga pengajar Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT).

Pendaratan ikan capai 1.39 juta tan 2024

PETALING JAYA – Jumlah pendaratan ikan di Malaysia meningkat kepada 1.39 juta tan metrik (tm) tahun lalu berbanding 1.27 juta tm pada 2023, menunjukkan perkembangan positif dalam industri perikanan tangkapan marin negara.

Antara negeri penyumbang utama ialah Perak yang kekal sebagai negeri tertinggi dengan pendaratan sebanyak 434,349 tm, diikuti Sabah (201,812 tm), Selangor (163,732 tm) dan Pahang (144,651 tm).

Kejayaan itu turut didorong oleh pelaksanaan Program Pemuliharaan Sumber di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025).

Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 1,174 unit tukun tiruan telah berjaya dilabuhkan di seluruh negara dengan jumlah peruntukan sebanyak RM20 juta.

Kesan positif jelas ditunjukkan melalui peningkatan Kadar

Sara Diri (SSR) perikanan negara kepada 91.6 peratus pada tahun 2024, dengan spesies yang mencatatkan peningkatan ketara ialah ikan bawal, ikan merah dan ikan kembung.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, pencapaian tersebut menggambarkan kejayaan strategi pengurusan sumber berasaskan sains serta penglibatan aktif komuniti nelayan.

“Peningkatan pendaratan dan kadar sara diri negara adalah bukti bahawa industri perikanan kita semakin pulih. Inisiatif seperti program tukun tiruan, kajian stok ikan, serta pengukuhan infrastruktur pendaratan moden telah memberi hasil yang nyata.

“Jabatan Perikanan akan terus melaksanakan langkah-langkah mampan bagi memastikan bekalan ikan negara sentiasa mencukupi, berkualiti dan berdaya saing,” katanya.



PENGLIBATAN aktif komuniti nelayan antara penyumbang kepada peningkatan jumlah pendaratan ikan tahun lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2025	THE SUN	BIZ & FINANCE	14

Agrobank expects 140% jump in deposits by end of Mega Million 2.0 Campaign

PUTRAJAYA: Agrobank expects its deposit products to grow by 140% by the end of the Mega Million 2.0 Campaign in October, said its president and group CEO, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

He said the campaign, launched on Nov 1, 2024, has received an encouraging response, with a noticeable increase in subscriptions to the bank's products.

"For instance, deposit products have already grown by 118%. Additionally, Ar-Rahnu financing has seen an increase of over RM600 million, while AgroCash-i Personal Financing approvals have surpassed RM2 billion," he said during the prize-giving ceremony yesterday for the third round of the Mega Million 2.0 Campaign.

Also present was COO Zahid Ahmad Zawawi.

Tengku Ahmad Badli Shah said the campaign has played an essential role in promoting Agro-

bank's wide range of products, while also encouraging Malaysians to adopt a savings habit to secure their financial future.

"To further enhance this campaign, every entry from Sept 1 to Oct 31, 2025, will receive double participation points, increasing the chances of winning prizes.

"To date, 160 winners have already received prizes, including cars, cash, and gold," he added.

He noted that six lucky winners have taken home cars, including a Mitsubishi Xpander, Proton S70, and Perodua Myvi.

"What's even more exciting is the grand prize – a Ford Ranger Raptor, which will be awarded to one lucky winner during the final draw," he said.

The Mega Million 2.0 Campaign, which runs from Nov 1, 2024, to Oct 31, 2025, is open to both new and existing Agrobank customers, with total prizes exceeding RM2.5 million. – Bernama



The winner of a Mitsubishi Xpander, Yek Chu Tiing (second, left), at the prize-giving ceremony for the third round of the Mega Million 2.0 Campaign.

– BERNAMAPIC

FRIDAY | SEPT 26, 2025
6 **the Sun NATIONAL**

Reaping sweet success

► Special needs students find life grounding by planting golden melons in school farming project

PASIR PUTEH: Under the morning sun at Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Cherang Ruku, rows of golden melon plants glisten in the light, their vines heavy with ripening fruit.

The earthy scent of soil mingles with the quiet determination of students tending to the crop, teenagers who are quietly defying expectations.

They comprise 18 Form Two and Three special education needs students, most with learning difficulties.

Their golden melon fertigation project is more than an agricultural experiment.

It is a journey in confidence, self-reliance and modern farming, proving that with guidance and opportunity, they too can nurture growth and shape their own futures.

The students manage every step, from sowing seeds and fertilising to cross-pollinating flowers. Now, their efforts are literally bearing fruit, as the muskmelon variety thrives under their care.

For 16-year-old Muhammad Jannatul Firdaus Abdullah, the experience has been transformative.

"I sow the seeds, transfer the seedlings, fertilise daily, then cross-pollinate the flowers before selecting the best fruits. I've learned all this, but the best part is watching the fruits grow bigger each day, knowing I planted them myself," he said with pride.

His classmate, Ahmad Azfar Atiqullah Abdullah, also 16, feels the same sense of ownership.

He inspects the plants daily to ensure they remain healthy, carrying out his role with care and commitment.

Their teacher Nor Azman Zakaria spearheads the initiative under the school's Special Education Integrated Programme.

He said the project began in 2013 with chilli cultivation before taking a new turn.

"In 2022, our late senior assistant for Special Education, Wan Muhammad Hafiz Wan Mohamad Ali, introduced the idea of a 'Rain Shelter System'. After discussions with crop consultants, we decided to shift from chillies to golden melons," he said.



Nor Azman expressed hope the initiative would not only continue in Pasir Puteh but also become a national model. — **BERNAMA PIC**

"Golden melons are in demand but not widely grown. Our goal is not profit, but to expose students to the future potential of such crops."

The system features a structure that shields crops from heavy rain and harsh sunlight while controlling pests, weeds and diseases.

By 2024, it was running fully and this year, the school expanded from one plot to three, with nearly 400 polybags of golden melon.

The initiative is supported by MCG Fertigation and Training, which provides technical guidance.

Every stage of cultivation has been turned into a learning module.

"Students are exposed to the entire cycle — from seed-sowing, daily care, fertiliser-mixing and irrigation systems to harvesting. They even learn pollination techniques for better fruit quality," Nor Azman said.

Harvesting can be done in just over two months and for now, the project runs once a year, with plans to double the cycle in future.

Each module is integrated into the curriculum to meet the requirements of the Malaysian Skills Certificate in plant production operations.

Instead of sitting for the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) exam, the students pursue the Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) pathway, which offers them structured vocational training.

Assessments include written work

photographic documentation and hands-on tasks.

At 19, students undergo practical evaluations by Skills Development Department officers, before receiving a nationally recognised SKM certificate.

SMK Cherang Ruku is also an accredited branch centre, placing it on par with industrial training institutes.

Achieving this recognition required close collaboration with the relevant agencies to ensure the school met equipment standards.

But for Nor Azman, the true measure of success lies in the students themselves.

"They are not just learning farming but also responsibility and teamwork. The pride they feel when their harvests are bought and well-received by teachers, parents and the local community is invaluable."

He added that while the students may have limitations, the project shows they are capable of following instructions and mastering skills.

"If they can do this, they can transition into agriculture careers or even manage their own crops after school," he said, while expressing hope the initiative would not only continue in Pasir Puteh but also become a national model.

"With the right guidance and opportunities, special needs students can live independently, produce quality work and learn to believe in their own potential. My dream is for this to be recognised as a core programme across the country," said Nor Azman.